

PERINGKAT PEREDARAN BULAN (MANZILAH)

Manzilah bulan atau *lunar mansion* sepertimana yang ditakrifkan oleh astronomi iaitu bintang yang menjadi latar belakang terhadap laluan dan fasa-fasa bulan.

Masyarakat arab zaman silam telah membahagikan langit itu kepada 28 bahagian yang sama dan dinamakan setiap bahagian itu sebagai manzilah^[2]. Dalam satu pusingan qamariah (*lunar*) selama 29.5 hari, bulan akan melalui setiap bintang latar ini di sepanjang orbitnya mengelilingi bumi.

Perkara ini berlaku daripada pergerakan harian bulan, maka setiap hari menempati satu manzilah. Kedudukan manzilah pula adalah berdasarkan bintang-bintang yang berhampiran daripada garisan pergerakan bulan di atas daerah buruj. Kubah langit dibahagikan kepada 12 buruj dan tempoh setiap manzilah adalah 12° 51' 25". Allah SWT telah berfirman di dalam kitab-Nya:



وَالْقَمَرَ قَدَرْنَا مَنَازِلَ حَتَّىٰ عَادَ كَالْعُرْجُونِ الْقَدِيمِ

Dan telah Kami tetapkan bagi bulan manzilah-manzilah, sehingga (setelah dia sampai ke manzilah yang terakhir) kembalilah dia sebagai bentuk tandan yang tua.

Surat Ya Sin Ayat 39

- ❖ Syed Qutb di dalam tafsirnya *Fi Zilalil Quran* mengatakan bahawa, apabila manusia melihat bulan pada awal bulan, itulah yang dinamakan *al-hilal*, kemudian berlalu malam demi malam hingga menjadi penuh, itu yang dinamakan *al-badr*. Kemudian bulan semakin mengecil sehingga yang kelihatan lengkung tepi bulan seperti tandan kurma yang tua dan sudah kering.
- ❖ Imam al-Qurtubi ketika menafsirkan ayat ini dengan menyatakan bahawa Allah SWT menjadikan 28 manzilah bagi bulan.

BIL	NAMA MANZILAH	BURUJ	
1	<i>al-Syaratan</i>	القمرطان	Aries
2	<i>al-Butain</i>	البطين	Aries
3	<i>al-Turayya</i>	التريا	Taurus
4	<i>al-Dabaran</i>	الدبران	Taurus
5	<i>al-Hag'ah</i>	الهبة	Orion
6	<i>al-Har'ah</i>	الهبة	Gemini
7	<i>al-Dzira'</i>	الذراع	Gemini
8	<i>al-Nasrah</i>	النصر	Cancer
9	<i>al-Tarf</i>	الطرف	Cancer
10	<i>al-Jabhah</i>	الجبهة	Leo
11	<i>al-Kharatan</i>	الخراتان	Leo
12	<i>al-Sarfah</i>	المنصرفة	Leo
13	<i>al-Awwa'</i>	العواء	Virgo
14	<i>al-Simak</i>	السمك	Virgo

15	<i>al-Ghaffr</i>	الغفر	Virgo
16	<i>al-Zabara</i>	الزبارة	Libra
17	<i>al-Akhlil</i>	الاکليل	Virgo
18	<i>al-Qalb</i>	القلب	Scorpius
19	<i>al-Syaulah</i>	الشولة	Scorpius
20	<i>al-Naa'im</i>	النعام	Sagittarius
21	<i>al-Baladlah</i>	البلدة	Sagittarius
22	<i>Sa'd al-Dzabih</i>	سعد الذابح	Capricorn
23	<i>Sa'd Bula'</i>	سعد البلع	Aquarius
24	<i>Sa'd al-Su'ud</i>	سعد السعود	Aquarius
25	<i>Sa'd al-Akhh'iyah</i>	سعد الاخبية	Aquarius
26	<i>al-Farghu al-Muqadlam</i>	الفرع المنضم	Pegasus
27	<i>al-Farghu al-Muakhh'har</i>	الفرع المؤخر	Pegasus
28	<i>Batnu al-Hut</i>	بطن الحوت	Pisces

Jadual 1: Manzilah-manzilah Bulan

Perlu diketahui bahawa manzilah bulan ini juga berkait rapat dengan kedudukan matahari daripada darjah buruj (*Muqum al-Syams*). Hubungan di antara kedudukan manzilah dengan buruj adalah pada kedudukannya, yang mana bintang itu dikira buruj untuk matahari dan bintang itu juga dikira manzilah untuk bulan. Contoh seperti jadual di atas, manzilah *al-Syaratan* dan *al-Butain* keduanya berada pada buruj Aries.

Manakala manzilah *al-Qalb* dan *al-Syaulah* berada pada buruj *Scorpius*. Manzilah-manzilah inilah yang akan menjadi laluan bagi bulan sepanjang peredarannya dalam setahun qamariah. Manzilah ini juga akan sentiasa menjadi latar belakang laluan bulan dan tidak berubah. Hal ini jelas menunjukkan kekuasaan dan kehebatan Allah SWT dengan menjadikan perjalanan bulan mengelilingi bumi pada manzilah masing-masing begitu teratur, tersusun dan sistematik tanpa sedikit pun kesilapan.



Sumber dipetik : BAYAN AL-FALAK SIRI KE-25 : MANZILAH BULAN